

SEKITAR KONVOKESYEN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA KE-13

# Bekerja sambil belajar tetap capai kecemerlangan

Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI  
 pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 8 NOV.

**S**ELAMA empat tahun melanjutkan pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Siti Summayah Saadon, 23, sentiasa bekerja secara sambilan di taska berhampiran kampusnya sewaktu cuti semester untuk menampung perbelanjaan.

Lebih daripada gajinya turut diserahkan kepada ibunya, Simah Suki, 47, untuk menampung perbelanjaan keluarga.

Hari ini, Siti Summayah yang berasal dari Air Hitam, Muar, Johor tersenyum bangga apabila menerima Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa kelas pertama sempena majlis Konvokesyen USIM di Dewan Tuanku Canselor.

Anak sulung daripada lima adik beradik itu berkata, dia berasa puas dan berbangga kerana pengorbanannya itu berbaloi dan menghasilkan kejayaan yang manis.

"Kerja sambilan itu saya lakukan pada cuti semester sahaja. Daripada tidak berbuat apa-apa lebih baik saya bekerja untuk mendapatkan wang. Sekurang-kurangnya boleh digunakan untuk membiayai pembelajaran," katanya.

Jelas Siti Summayah, buat masa ini dia masih mencari peluang pekerjaan namun terdetik juga di hatinya untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana jika diberi peluang.

Sementara itu, penyakit polio yang dihidapi seorang pemuda dari Tanah Merah, Kelantan ternyata tidak menghalangnya untuk menggenggam segulung ijazah yang menjadi kebanggaan keluarga.

Mohd. Nazmi Mohd. Salleh, 30, yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kaunseling, Fakulti Kep-



SEBAHAGIAN graduan daripada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan menunjukkan skrol ijazah sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

impinan dan Pengurusan (FKP) berkata, cabaran sewaktu berada di USIM cukup tinggi apatah lagi pergerakannya terbatas.

"Kadang kala hendak bergerak agak sukar dan tiba ke kelas pun lewat. Tetapi saya tidak jadinya sebagai alasan untuk tidak berjaya.

"Syukur hari ini segala penat lelah saya berbaloi dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang banyak membantu," katanya.



SITI SUMMAYAH SAADON (dua dari kiri) bersama ibunya, Simah Suki selepas Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.



NAIB Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad (kiri) menyampaikan skrol ijazah kepada graduan sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ASWAD YAHYA



GRADUAN dan ibu bapa merakam gambar kenangan di studio mini Utusan sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.



MOHD. NAZMI MOHD. SALLEH (berkerusi roda) bersama ahli keluarga selepas Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.